

SOALAN NO. 58**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 2 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci lima (5) projek utama yang telah dilaksanakan (sama ada siap ataupun tidak) oleh Kerajaan Persekutuan di Daerah Penampang antara tempoh Jun 2008 hingga ke Mei 2013 dan Jun 2013 hingga ke hari ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua program dan projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan mempunyai keutamaan kepada penerima manfaat kawasan setempat. Antara 5 projek utama dari segi kos dan manfaat kepada penduduk tempatan yang telah siap dilaksanakan oleh Kerajaan di Daerah Penampang adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TAHUN SIAP
1.	NKEA <i>Tourism: Global Biodiversity Hub</i>	35,570,000	2012
2.	Pembinaan 12 Bilik Darjah dan Lain-Lain Kemudahan SJK(C) Anglo Chinese, Penampang	7,949,259	2012
3.	Membina Jambatan Pangansakan - Pukakon, Penampang	6,050,000	2013
4.	Jalan Kibunut, Penampang	16,055,000	2013
5.	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Moyog, Penampang	5,000,000	2015

Sekian, terima kasih.